

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
21 DISEMBER 2017**

1. PELANTIKAN PENGARAH BANGUNAN MPSP YANG BAHRU

Sukacita dimaklumkan bahawa berkuatkuasa **1 Disember 2017**, Majlis telah melantik Pengarah Bangunan (Arkitek Gred J52 Tetap) yang baharu iaitu Cik Noorhanis Binti Noordin. Beliau mempunyai kelulusan dalam Bachelor Of Architecture (University Of Kansas). Pengalaman beliau sebelum ini ialah bertugas sebagai Pengarah Konservasi Warisan di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Majlis dengan ini mengucapkan tahniah di atas pelantikan beliau dan berharap beliau dapat memimpin Jabatan Bangunan MPSP ke arah kecemerlangan.

2. KIOSK UNTUK BAYARAN CUKAI TAKSIRAN MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI DAN PERKHIDMATAN BAYARAN SECARA ONLINE

Pihak Majlis telah menambah satu lagi saluran bayaran untuk pembayaran cukai taksiran secara tunai atau cek melalui Kiosk bayaran yang akan mula beroperasi pada 21 Disember 2017 (Khamis). Dengan penambahan ini, MPSP telah mempelbagaikan lagi saluran pembayaran cukai taksiran melalui kaunter pembayaran MPSP, bank-bank terpilih, agensi kutipan yang dilantik seperti Pos Malaysia dan MBPP serta yang terbaru melalui Kiosk OneApps.

Selari dengan perkembangan dunia moden semasa, pihak Majlis telah menyediakan 10 unit Kiosk di Kaunter Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda dan 3 unit lagi di setiap Pejabat Cawangan MPSP. Penggunaan mesin Kiosk ini dalam urusan pembayaran bil cukai taksiran dapat menjimatkan masa dan memudahkan penduduk Seberang Perai menjalankan tanggungjawab disamping dapat mengurangkan kesesakan di Kaunter Berpusat MPSP.

Selain itu, MPSP juga amat menggalakan penduduk Seberang Perai untuk membuat pembayaran bil cukai taksiran melalui kaedah atas talian (*Online*). MPSP sebelum ini telah menyediakan platform di laman web rasmi MPSP untuk memudahkan penduduk membuat pembayaran secara *Online*. Oleh itu, sebanyak 10 unit komputer turut disediakan kepada para pelanggan bagi memberi perkhidmatan bayaran secara *Online* di ruang legar Kaunter Berpusat, Ibu Pejabat MPSP. Tujuannya ialah memberi kemudahan dan pendedahan kepada penduduk Seberang Perai mengenai cara-cara pembayaran secara *Online* dan *Automatik*.

Tambahan pula, pembayar cukai yang membuat bayaran cukai taksiran melalui Kiosk dan *Online* serta mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan turut layak menerima cenderamata serta layak dalam menyertai cabutan bertuah yang dianjurkan oleh MPSP. Justeru, saya di sini ingin menyeru kepada penduduk Seberang Perai agar menjalankan tanggungjawab membayar cukai taksiran melalui kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh MPSP demi pembangunan masa hadapan kita.

3. PEMBERITAHUAN PELANJUTAN TEMPOH PERKHIDMATAN KAUNTER BERPUSAT MPSP PADA MUSIM PEMBAYARAN CUKAI TAKSIRAN

Dimaklumkan bahawa Kaunter Berpusat, Jabatan Khidmat Pengurusan MPSP akan melanjutkan masa beroperasi sempena waktu kemuncak membayar cukai taksiran bermula **6 Januari 2018 (Sabtu)**. Oleh itu, Kaunter Berpusat MPSP akan dibuka pada setiap hari Sabtu dan Ahad bagi bulan Januari dan Februari 2018. Waktu operasi bermula jam **8.30 pagi sehingga 12.30 tengah hari sahaja**. Selain itu, pada 28 Februari 2018 (Rabu), Kaunter Berpusat MPSP akan melanjutkan masa operasi kepada pembayar cukai sehingga jam 8.30 malam.

4. SAMBUTAN HARI INOVASI PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2017

Majlis Perbandaran Seberang Perai sekali lagi berada di hadapan melalui penyertaan dalam Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Majlis ini telah diadakan pada 28 November 2017 dan dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Ghazali bin Derahman, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang di KOMTAR.

MPSP dengan jayanya telah merangkul **tempat pertama** untuk projek Sistem Selenggara Kenderaan (SISKEN 2.0) daripada Jabatan Kejuruteraan dan telah menerima hadiah wang tunai sebanyak RM4,000.00, sijil penyertaan serta trofi. Seterusnya MPSP turut merangkul **tempat ketiga** untuk projek e-COB daripada Jabatan Pesuruhjaya Bangunan bagi Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2017 untuk kategori ICT dan telah menerima hadiah wang tunai sebanyak RM2,000.00, sijil penyertaan dan trofi.

Majlis mengucapkan tahniah kepada Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Pesuruhjaya Bangunan MPSP di atas sumbangan serta inovasi yang di bawa dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk Seberang Perai.

5. SAMBUTAN HARI KRISMAS

Saya di sini ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Krismas yang akan disambut pada 25 Disember 2017 (Isnin) kepada semua penduduk Seberang Perai yang

beragama Kristian dan diharapkan kemeriahannya hari ini dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan. Hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

6. SAMBUTAN TAHUN BAHARU 2018

Saya juga ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2018 kepada seluruh penduduk Seberang Perai yang akan disambut pada 1 Januari 2018 (Isnin). Diharapkan tahun baharu 2018 ini dapat membawa Seberang Perai untuk terus maju ke arah kecemerlangan di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. Hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

7. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Dimaklumkan bahawa program sihat MPSP bagi tahun 2018 akan tetap diteruskan demi kesihatan dan keceriaan penduduk Seberang Perai iaitu dimulai dengan Program MPSP Car Free Morning yang akan diadakan pada 7 Januari 2018 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya bermula jam 7.30 pagi hingga 12 tengah hari. Seterusnya, Senamrobik Bersama MPSP di Taman

Tugu Kota Demokrasi Bagan, Mak Mandin akan diadakan pada 21 Januari 2018 (Ahad). Manakala Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 28 Januari 2018 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

SEKIAN, TERIMA KASIH.